

Pertubuhan Zakat Antarabangsa basmi kemiskinan negara OK

Oleh Norfatimah Ahmad

SUBANG: Pertubuhan Zakat Antarabangsa yang bakal diwujudkan akan menggunakan satu sistem zakat yang baru bagi membasmi kemiskinan, terutama di kalangan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kesediaan Malaysia menjadi tuan rumah dan pusat operasi pertubuhan baru itu disampaikan dalam temuannya dengan Presiden Dewan Perniagaan dan Perdagangan Islam Antarabangsa, Salleh Kamil di Makkah, baru-baru ini.

Pengerusi OIC itu berkata, pembentangan kertas kerja pelaksanaannya akan dibuat pada Mesyuarat Menteri-Menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura (Mabim) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, bulan depan.

"Kita akan pastikan bantuan kepada golongan miskin dalam lapan asnaf dilaksanakan tanpa melanggar kaedah zakat.

"Bagaimanapun jika hanya mengambil pendekatan sama iaitu menyampaikan bantuan kewangan setiap tahun, tentunya ia akan habis tanpa membawa sebarang perubahan kepada kedudukan kemiskinan golongan terabit," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas pulang dari mengerjakan umrah bersama keluarganya di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, semalam.

Pesawat yang membawa Perdana Menteri mendarat kira-kira jam 2.50 petang. Beliau diiringi anaknya, Kamaluddin dan Nori serta menantunya, Azreen Abdullah dan Khairy Jamaluddin mengerjakan umrah di Makkah sejak minggu lalu.

Cadangan penubuhan Pertubuhan Zakat Antarabangsa itu dikemukakan pada Sidang Kemuncak Menteri-Menteri Luar OIC yang berlangsung di Makkah pertengahan tahun ini.

Berikutan itu, beberapa pertemu-

*"Pendekatan
untuk membasmi
kemiskinan diambil
kerana sedar negara
Islam di kalangan
anggota OIC
menghadapi
masalah berkenaan"*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

an susulan diadakan di Putrajaya termasuk menyampaikan penerangan berhubung cadangan itu kepada pegawai dalam bidang ekonomi dan organisasi zakat serta utama negara ini.

Abdullah berkata, pendekatan untuk membasmi kemiskinan itu diambil kerana sedar negara Islam di kalangan anggota OIC menghadapi masalah berkenaan.

Selain itu, beliau yang menerima kunjungan Presiden Bank Pembangunan Islam (*IDE*), Dr Ahmed Mohamed Ali turut membincangkan program untuk menambah keupayaan pembangunan negara OIC.

Katanya, selain Malaysia, program pelaburan itu turut memabitkan Indonesia, Maldives, Bangladesh dan Sierra Leone.

"Bagi Malaysia, rancangan sedang diatur untuk melaksanakan program pembangunan ala-Felda di Sierra Leone memabitkan tanah seluas 1,600 hektar dengan tanaman kelapa sawit bagi membantu penduduk miskin negara itu," katanya.

Berikutan itu, katanya, kerjasama Bank Negara Malaysia diperlukan untuk tindakan selanjutnya bagi merealisasikan pelaksanaan program berkenaan, termasuk latihan di kalangan eksekutif perbankan untuk memperluaskan sistem perbankan Islam.